

Belum tiba masanya Mahathir ke Sabah

KUALA LUMPUR, Sabtu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum menetapkan tarikh beliau akan ke Sabah untuk meninjau perkembangan politik di negeri itu.

Ketika ditanya mengenai perkara itu, beliau berkata: "Belum tiba masanya saya tetapkan tarikh itu dan buat masa ini tidak ada apa-apa yang hendak saya katakan mengenai krisis Sabah."

Baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, berkata beliau atau Perdana Menteri akan ke Sabah jika dirasakan perlu.

Perdana Menteri ketika ditemui pemberita selepas melancarkan komputer *Accent 2001* di sini hari ini, juga enggan mengulas kenyataan Naib Presiden Umno, Datuk Abdullah Badawi, krisis Sabah boleh diselesaikan jika Barisan Nasional menerima Parti Bersatu Sabah menganggotainya.

Datuk Abdullah yang juga Menteri Pelajaran dikatakan menegaskan demikian ketika menjawab pertanyaan ahli Umno Bahagian Pulai, Johor dalam satu majlis dialog di sana.